

## KAUNSELING KELUARGA

06 OKTOBER 2023 | 20 RABIULAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Bulan Oktober diisytiharkan sebagai Bulan Kaunseling Kebangsaan dan Hari Kesihatan Mental Sedunia. Kerajaan sangat menitik beratkan dalam memperkasakan perkhidmatan kaunseling, khidmat nasihat dan runding cara dengan menawarkan pengajian-pengajian dalam bidang kaunseling di institusi pengajian tinggi, mewujudkan pelbagai agensi, menyediakan kaunselor-kaunselor di agensi-agensi kerajaan agar masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita yang berhadapan dengan

tekanan perasaan, mental, kemurungan dan bebanan kewangan dapat dibantu dengan baik.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Perkhidmatan kaunseling atau runding cara adalah merupakan sebahagian daripada proses nasihat yang begitu luas pengertiannya. Islam amat menitik beratkan perkara ini sebagaimana yang dapat kita fahami dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim.

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الدِّينُ النَّصِيحَةُ . قُلْنَا لِمَنْ قَالَ :

لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

**Yang bermaksud:** *“Bahawasanya Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda: Agama itu nasihat. Kami pun bertanya: Untuk siapa (nasihat itu)? Baginda menjawab: Nasihat itu adalah untuk Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya, para pemimpin muslimin dan seluruh muslimin (rakyatnya)”*.

Menurut Ibn al-Athir, al-Nasihah bermaksud “memberikan nasihat untuk kesejahteraan orang yang dinasihati.” Walaupun nasihat merupakan suatu istilah yang terlalu umum, namun pada dasarnya Islam telah memelopori asas pemikiran kaunseling melalui konsep nasihatnya yang begitu agung. Malahan dapat ditegaskan bahawa kaunseling adalah merupakan sebahagian daripada konsep nasihat yang begitu luas skop perbahasannya. Al-Imam al-Nawawi menerangkan hadis riwayat al-Imam Muslim ini dengan maksud: *“Amat digalakkan kepada sesiapa yang dibebani dengan sesuatu masalah, agar berbincang dengan siapa sahaja yang dipercayai dan diyakininya dalam agama dan lain-lain.”*

Oleh itu, sekiranya ada dalam kalangan ahli masyarakat kita yang mempunyai masalah seperti masalah rumah tangga, pendidikan anak-anak yang terlibat dengan gejala sosial dan dadah, masalah kewangan dibebani dengan hutang dan lain-lain bolehlah mendapatkan khidmat nasihat daripada mana-mana pihak yang dapat membantu untuk menyelesaikan masalahnya seperti berikut:

1. Pejabat-pejabat Agama Islam Daerah dan pegawai-pegawai masjid yang berkeahlian atau kaunselor bertauliah bagi masalah agama, perkahwinan dan kekeluargaan.
2. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (**LPPKN**) bagi masalah sosial dan juga kekeluargaan.
3. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (**AKPK**) bagi mendapatkan nasihat berkaitan dengan pengurusan hutang atau kewangan dan lain-lain.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Marilah kita umat Islam menghidupkan kembali budaya nasihat menasihati ini. Meminta dan memberi nasihat adalah suatu perkara yang sangat dianjurkan oleh agama kita. Dalam sebuah hadis, memberi nasihat kepada orang yang meminta nasihat adalah antara salah satu hak orang Islam yang perlu ditunaikan. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Muslim.

وَإِذَا اسْتَنْصَحَكَ فَانصَحْ لَهُ

**Yang bermaksud:** *“Bila seseorang minta nasihat, berilah dia nasihat.”*

Oleh itu, hendaklah kita berlapang dada dan tidak berkecil hati apabila menerima nasihat daripada mana-mana pihak dan kita sepatutnya berterima kasih kepada orang yang memberi nasihat kepada kita.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah an Nahl ayat 125:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ  
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ  
أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

**Yang bermaksud:** “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.